



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

PERATURAN PELAJAR

INSTITUT PENDIDIKAN GURU

*IPGM PENERAJU KECEMERLANGAN
PENDIDIKAN GURU BERTARAF DUNIA*

PUSAT HAL EHWAL PELAJAR
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

EDISI 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

Diterbitkan oleh:

PUSAT HAL EHWAL PELAJAR
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Blok 2250 Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
Selangor

EDISI 2023



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7656-22-9

Peraturan Pelajar

Institut Pendidikan Guru

Kementerian Pendidikan

Edisi 2023

Cetakan Pertama 2011

© Hak Cipta

Pusat Hal Ehwal Pelajar

Institut Pendidikan Guru Malaysia

Kementerian Pendidikan

Hakcipta terpelihara:

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada elektronik, gambar atau rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan.

Sebarang keterangan lanjut, sila hubungi:



Pusat Hal Ehwal Pelajar
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan
Blok 2250, Jalan Usahawan 1
63000 CYBERJAYA



03-8312 6666
<http://ipgm.moe.edu.my/>

PRAKATA

Disiplin merupakan teras utama dalam menentukan kejayaan diri seorang individu. Tanpa disiplin diri, seseorang individu tidak akan mencapai matlamat hidup. Kejayaan seseorang tidak sahaja dilihat dari segi intelektual tetapi mempunyai keupayaan berdaya saing serta tahap disiplin yang tinggi. Bagi melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia. Sehubungan itu, Pusat Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif untuk mengemaskini dan menambah baik Peraturan Pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) sedia ada.

Peraturan Pelajar Institut Pendidikan Guru Edisi 2023 ini akan menjadi garis panduan kepada semua pelajar sepanjang pengajian di IPG KPM dan diharapkan agar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, difahami dan dihayati demi membentuk disiplin, budi pekerti serta akhlak mulia dalam kalangan pelajar IPG KPM. Semoga peraturan dan disiplin yang disemai dan dipupuk ini akan menjadi sebahagian daripada amalan hidup berterusan dan bermanfaat bagi semua pelajar di IPG KPM.

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A: TAKRIF DAN PEMAKAIAN	
PERKARA 1: TAKRIF	1-2
PERKARA 2: PEMAKAIAN, PINDAAN DAN TAMBAHAN	3-4
BAHAGIAN B: TATATERTIB	
PERKARA 3: PERATURAN AM	5-11
PERKARA 4: PENAMPILAN DIRI	11-13
PERKARA 5: KAD Matrik PELAJAR DAN TANDA NAMA	13
PERKARA 6: PENCERAMAH LUAR	14
PERKARA 7: MENYERTAI AKTIVITI ANJURAN AGENSI LUAR	14
PERKARA 8: PENGANJURAN AKTIVITI OLEH PELAJAR	14-15
PERKARA 9: PENGGUNAAN MEDIA CETAK DAN MEDIA DIGITAL	15
PERKARA 10: LAWATAN	15-16
PERKARA 11: BERKAHWIN SEMASA PENGAJIAN	16
PERKARA 12: MENGANDUNG DALAM TEMPOH PENGAJIAN	16
PERKARA 13: KEHADIRAN KULIAH, TUTORIAL, KOKURIKULUM, AMALAN PROFESIONAL DAN AKTIVITI RASMI IPG	16-17
PERKARA 14: KEBENARAN MENINGGALKAN KULIAH, TUTORIAL, AMALI, KOKURIKULUM DAN AKTIVITI RASMI IPG	17
PERKARA 15: PENANGGUHAN PROGRAM PENGAJIAN	17-18
PERKARA 16: PEPERIKSAAN	18
PERKARA 17: PENGGUNAAN PUSAT SUMBER	18
BAHAGIAN C: KEBAJIKAN DAN KESELAMATAN	
PERKARA 18: PERATURAN KELUAR MASUK IPG	19
PERKARA 19: KAWALAN KESELAMATAN	19
PERKARA 20: RAWATAN PERUBATAN	19
PERKARA 21: PENGGUNAAN BANGUNAN, KAWASAN DAN PERALATAN	20
PERKARA 22: LAWATAN PIHAK LUAR	20
PERKARA 23: LAWATAN TETAMU	20
BAHAGIAN D: LALU LINTAS	
PERKARA 24: PENGGUNAAN KENDERAAN IPG	21
PERKARA 25: TATATERTIB LALU LINTAS JALAN	21-22
BAHAGIAN E: PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN	
PERKARA 26: PERATURAN AM KOLEJ KEDIAMAN	23-24
PERKARA 27: PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN	24
PERKARA 28: INVENTORI BILIK KEDIAMAN	24-25
PERKARA 29: TINGKAH LAKU PELAJAR MENETAP	25
PERKARA 30: KAWASAN LARANGAN	25
PERKARA 31: PAKAIAN	25

PERKARA 32: KEMUDAHAN KOLEJ KEDIAMAN	25-26
PERKARA 33: BARANG-BARANG MILIK PERSENDIRIAN	26
PERKARA 34: AKTIVITI KOLEJ KEDIAMAN	26
PERKARA 35: URUSAN BILIK KEDIAMAN	27
PERKARA 36: MENERIMA TETAMU	27
PERKARA 37: URUSAN RAWATAN PELAJAR	28
PERKARA 38: LARANGAN-LARANGAN SALAH LAKU	28-29
PERKARA 39: KES-KES KESELAMATAN DAN KEROSAKAN	29
PERKARA 40: KELUAR MASUK HARIAN DAN MENGINAP DI LUAR KOLEJ KEDIAMAN	29
 BAHAGIAN F: PERATURAN BAGI PELAJAR YANG TINGGAL DI PREMIS LUAR KOLEJ KEDIAMAN	
PERKARA 41: PERATURAN AM	30
PERKARA 42: TATATERTIB DAN DISIPLIN	30
 BAHAGIAN G: PERATURAN KAFETARIA/ KANTIN	
PERKARA 43: ETIKA DAN PAKAIAN SEMASA DI KAFETARIA/ KANTIN	31
PERKARA 44: PENGGUNAAN KAFETARIA/ KANTIN UNTUK SESUATU AKTIVITI	31
 BAHAGIAN H: TINDAKAN TATATERTIB	
PERKARA 45: HUKUMAN	32-34
PERKARA 46: AM	34

BAHAGIAN A

TAKRIF DAN PEMAKAIAN



PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

BAHAGIAN A: TAKRIF DAN PEMAKAIAN

PERKARA 1: TAKRIF

- 1.1 "Institut" ertinya Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang ditubuhkan dan disenggarakan di bawah seksyen 45 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- 1.2 "Institut Pendidikan Guru (IPG)" ertinya Institut Pendidikan Guru seperti yang disenaraikan dalam (Jadual Pertama) Akta Institusi-Institusi Pelajaran Tatatertib (1976) [Akta 174];
- 1.3 "Kampus" ertinya kawasan atau kawasan-kawasan, bersama dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dippunyai atau digunakan, sama ada untuk selama-lamanya atau selainnya oleh sesuatu IPG;
- 1.4 "Rektor" ertinya seseorang yang dilantik oleh Menteri untuk mengetuai IPG di bawah peruntukan subperaturan 5(1), Peraturan-Peraturan Pendidikan (Institut-Institut Pendidikan Guru) 2010, [P.U.(A)388/2010];
- 1.5 "Pengarah" ertinya seseorang yang mengetuai sesuatu IPG yang juga dilantik sebagai Pegawai Hal Ehwal Pelajar. Beliau juga ialah Ketua Eksekutif IPG tersebut;
- 1.6 "Pegawai Hal Ehwal Pelajar" ertinya seseorang kakitangan sesuatu institusi yang dinamakan sedemikian oleh Menteri Pendidikan menurut Akta 174;
- 1.7 "Ketua Eksekutif" ertinya pegawai atau kakitangan IPG yang bertugas sebagai Pegawai Eksekutif Utama IPG;
- 1.8 "Pegawai yang diberikan kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar;
- 1.9 "Pelajar" ertinya pelajar berdaftar yang menerima pelajaran, pengajaran atau latihan daripada IPG;
- 1.10 "Tindakan pentadbiran" ertinya hukuman yang dikenakan ke atas pelajar yang melanggar Peraturan Pelajar IPG yang tidak dibicarakan mengikut Akta 174;
- 1.11 "Kolej Kediaman" ertinya "asrama" seperti yang dimaksudkan dalam Kaedah Kedua Bahagian 1 Perkara 2 Akta 174 termasuklah apa-apa kediaman, dengan apa-apa juga nama yang disebut yang disediakan oleh IPG untuk kediaman pelajar;
- 1.12 "Premis luar Kolej Kediaman" bermaksud mana-mana premis, rumah, bilik atau tempat tinggal yang didiami oleh pelajar berdaftar IPG di luar Kolej Kediaman;
- 1.13 "Pelajar bukan menetap" ertinya semua pelajar yang tinggal di premis luar Kolej Kediaman;

- 1.14 "Warden" ertinya pegawai utama yang mengawal selia aktiviti dan kebajikan pelajar sesuatu Kolej Kediaman dan termasuklah seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihaknya atau untuk membantunya;
- 1.15 "Pihak pengurusan Kolej Kediaman" ertinya Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ketua Warden, Warden, Pengurus Asrama, Penolong Pengurus Asrama, Penyelia Asrama Kanan dan Penyelia Asrama atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa;
- 1.16 "Peralatan" ertinya semua jenis alat yang dimiliki oleh IPG di dalam atau di luar kampus;
- 1.17 "Lawatan luar IPG" ertinya lawatan di dalam dan luar negara selain keperluan memenuhi kursus pengajian bagi program pendidikan guru anjuran mana-mana Jabatan/Unit, Kumpulan Kuliah, Persatuan, Kelab, Unit Beruniform, atau Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP);
- 1.18 "Pihak luar" ertinya individu atau kumpulan selain pelajar dan kakitangan IPG;
- 1.19 "Tetamu" ertinya:
 - 1.19.1 Mereka yang datang mengunjungi pelajar di kampus atau Kolej Kediaman yang terdiri daripada suami atau isteri, ibu bapa, penjaga dan keluarga terdekat termasuk sahabat handai pelajar; dan
 - 1.19.2 Pelajar yang bukan menetap di Kolej Kediaman.
- 1.20 "Ahli Keluarga Terdekat" bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat (sah di sisi undang-undang), bapa kandung atau bapa angkat (sah di sisi undang-undang), ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara adik-beradik, nenek dan datuk kepada pelajar;
- 1.21 "Kursus Pengajian" merujuk kepada program yang ditawarkan oleh IPG KPM;
- 1.22 "Penangguhan Kursus" ertinya memberhentikan sementara kursus pengajian bagi seseorang pelajar dalam tempoh masa tertentu berdasarkan sebab yang dipersetujui oleh IPG;
- 1.23 Semua pelajar yang mengikuti pengajian di IPG adalah pelajar sepenuh masa;
- 1.24 "Mod Perdana" ertinya kumpulan pelajar yang mengikuti pengajian sepenuh masa di kampus;
- 1.25 "Mod Kursus Dalam Cuti" ertinya kumpulan pelajar yang mengikuti pengajian secara kursus dalam cuti; dan
- 1.26 "Aktiviti Rasmi" merujuk kepada aktiviti yang dirancang oleh pihak kampus yang melibatkan semua MK/ RMK dan diluar MK/ RMK serta aktiviti tambah nilai.

PERKARA 2: PEMAKAIAN, PINDAAN DAN TAMBAHAN

- 2.1 Peraturan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan:
- 2.1.1 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
 - 2.1.2 Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [Akta 174];
 - 2.1.3 Surat Tawaran mengikuti program pengajian di IPG;
 - 2.1.4 Buku Panduan Akademik Program Pengajian di IPG;
 - 2.1.5 Perjanjian Pendidikan Guru;
 - 2.1.6 Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil/ Diploma/ Ijazah;
 - 2.1.7 Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional;
 - 2.1.8 Panduan Permohonan Kursus di IPG;
 - 2.1.9 Panduan Pelaksanaan Aktiviti Pelajar;
 - 2.1.10 Buku Panduan Pusat Sumber;
 - 2.1.11 Prosedur Penangguhan dan Penyambungan Pengajian Selepas Tempoh Penangguhan/ Penggantungan Pengajian Pelajar Institut Pendidikan Guru;
 - 2.1.12 Pekeliling-Pekeliling Kerajaan/Garis Panduan KPM/ IPGM yang masih berkuat kuasa;
 - 2.1.13 Dokumen-dokumen berkaitan yang digunakan dari semasa ke semasa; dan
 - 2.1.14 Undang-Undang Malaysia yang berkaitan.
- 2.2 Semua pelajar yang tertakluk bawah semua peruntukan dalam peraturan ini ialah mereka yang mengikuti semua jenis program pendidikan guru di IPG.
- 2.3 Program Pra-Perkhidmatan:
- 2.3.1 Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP);
 - 2.3.2 Program Persediaan Kolaborasi Dalam dan Luar Negara;
 - 2.3.3 Program Kolaborasi Dalam dan Luar Negara;
 - 2.3.4 Program Diploma Perguruan (PDP);
 - 2.3.5 Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP); dan

- 2.3.6 Program-program lain yang berkaitan/ ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa.
- 2.4 Program Dalam Perkhidmatan:
 - 2.4.1 Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO);
 - 2.4.2 Program-program lain dalam perkhidmatan yang berkaitan/ ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa; dan
 - 2.4.3 Program Ijazah Sarjana Perguruan (PISP).
- 2.5 Sebarang pindaan dan tambahan kepada peraturan pelajar yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan/ IPG yang telah diedarkan dalam bentuk surat pekeliling/ surat siaran/ helai cerai maka hendaklah dianggap sebahagian daripada peraturan ini.

BAHAGIAN B

TATATERTIB



PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

BAHAGIAN B: TATATERTIB

PERKARA 3: PERATURAN AM

- 3.1 Setiap pelajar yang mengikuti semua jenis kursus di IPG hendaklah berkelakuan baik semasa berada di dalam dan di luar kampus IPG demi menjaga nama baik IPG, mengamalkan Budaya IPG, profesion keguruan dan maruah diri yang boleh menimbulkan anggapan kurang sopan pada nilai moral dan/ atau bertentangan dengan agama.

- 3.2 **Setiap pelajar dilarang melakukan perkara-perkara yang berikut:**

3.2.1 **Buli**

(a) **Buli Fizikal**

Buli fizikal melibatkan kekerasan atau keganasan fizikal ke atas tubuh badan dan harta benda mangsa seperti memukul, menggigit, menyepak, mencubit, meludah, menendang, menumbuk, menampar, mencuri, menyembunyikan atau merosakkan harta benda mangsa atau memaksa mangsa melakukan perkara-perkara yang tidak diingini.

(b) **Buli Lisan**

Buli lisan adalah salah laku buli yang dilakukan dengan percakapan seperti mengejek, mengusik atau menghina, menyebarkan khabar angin atau fitnah, mengancam dan mengejek saiz badan orang lain (*body-shaming*), paras rupa, warna kulit, keturunan, bangsa dan kecacatan. Selain itu, buli lisan juga melibatkan panggilan atau gelaran yang mengaibkan, memfitnah, mencarut, memaki, menghina, mengherdik, mempersenda dan pernyataan-pernyataan lisan yang lain.

(c) **Buli Bukan Lisan**

Buli bukan lisan adalah salah laku buli yang dilakukan dengan isyarat atau gaya bahasa badan, gerak tubuh dan mimik muka seperti menjegilkan mata, senyum sinis dan mencebik mulut, menjelir lidah, isyarat lucah dan perbuatan-perbuatan lain bukan lisan yang seumpamanya. Buli jenis ini juga boleh menjadi suatu bentuk serangan psikologi, iaitu melalui perbuatan seperti pemulauan (boikot) dan pengasingan.

(d) Buli Siber

Perbuatan buli siber merupakan perbuatan dengan tujuan untuk menakutkan, mendatangkan kemarahan dan memalukan seseorang menggunakan kemudahan komunikasi menggunakan teknologi seperti teks, berbual (*chatting*), e-mel, laman sesawang sosial, telefon bimbit dan permainan dalam talian. Antara contoh salah laku buli siber adalah seperti yang berikut:

- (i) memulaukan atau menyengkirkan seseorang dari kumpulan media sosial atau menyekat e-mel mereka tanpa sebab.
- (ii) menipu seseorang untuk mendedahkan maklumat peribadi dan menyebarkan kepada orang lain dengan tujuan untuk memalukan;
- (iii) menggodam e-mel atau akaun media sosial seseorang untuk menghantar mesej palsu dengan menyamar sebagai pemilik akaun; dan
- (iv) menggunakan media sosial untuk mempersendakan orang lain.

3.2.2 Dadah dan Racun

Pelajar tidak boleh:

- (a) memiliki atau bawah jagaan atau kawalannya apa-apa jenis dadah atau racun;
- (b) memiliki atau bawah jagaan atau kawalannya apa-apa perkakas atau alat untuk digunakan bagi tujuan pengambilan apa-apa jenis dadah atau racun;
- (c) membeli, membekal, mengadakan atau menawarkan apa-apa jenis dadah, atau racun kepada mana-mana pihak;
- (d) makan atau minum atau menghisap atau menyedut atau menghidu atau memasukkan ke dalam badannya apa-apa jenis dadah, atau racun dengan cara suntikan atau apa-apa cara lain; dan

3.2.3 Minuman Keras Dan Mabuk

- (a) Tiada sebarang pun pelajar boleh, di dalam kampus, meminum atau mempunyai dalam milikannya atau di bawah jagaannya atau dalam kawalannya apa-apa minuman keras.
- (b) Mana-mana pelajar yang didapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakuan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras di dalam kampus, melakukan satu kesalahan tatatertib.

- (c) Melakukan apa-apa perbuatan yang boleh memudaratkan diri seperti inhalan, minum air ketum, menyalahgunakan ubat batuk dan apa-apa bentuk perlakuan yang sama maksud dengannya.
- (d) minum atau ada dalam miliknya atau bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman yang memabukkan.

3.2.4 Menjejaskan Imej Dan Nama Baik IPG Serta Profesion Keguruan

- (a) mengunjungi pusat hiburan dan berkelakuan tidak sopan.
- (b) melakukan aksi yang tidak sopan di dalam media sosial.
- (c) membuat pernyataan yang tidak beretika terhadap pihak atau agensi lain.
- (d) semua perlakuan yang dianggap sebagai menjajaskan imej IPG dan boleh diambil tindakan.

3.2.5 Perlakuan Sumbang

- (a) Pada sebarang keadaan atau tempat di dalam atau di luar kampus, pelajar dilarang berkelakuan sumbang antara lelaki dengan perempuan atau antara sesama jantina, yang boleh menimbulkan anggapan kurang sopan/ rasa jelek atau keadaan yang mencurigakan pada nilai moral dan/ atau bertentangan dengan agama; dan
- (b) Pelajar dilarang berkelakuan atau menampilkan imej yang bertentangan jantina.

3.2.6 Rokok/ e-Cigarette (Vape, Pod, Nano Stick)/ Shisha

- (a) Peraturan ini adalah mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, [P.U. (A) 324/2004] pindaan 2017;
- (b) IPG adalah Zon Larangan Merokok;
- (c) Pelajar dilarang membeli, memiliki, menyimpan, menjual, mengedar, menyeludup, dan merokok dalam kawasan kampus; dan
- (d) Larangan merokok/ e-Cigarette (vape, pod, nano stick)/ menghisap shisha adalah terpakai untuk semua pelajar yang mengikuti aktiviti rasmi termasuk di luar kampus dan apa-apa bentuk perlakuan yang sama maksud dengannya.

3.2.7 Peranti Telekomunikasi

- (a) Pelajar dilarang menggunakan peranti telekomunikasi secara salah yang boleh menjatuhkan nama baiknya, institusi atau Kerajaan serta memudaratkan diri dan orang lain.

(b) Media Sosial

Pelajar tidak dibenarkan memuat naik apa-apa kandungan/ konten negatif yang berkaitan dengan sistem pendidikan di mana-mana platform media sosial yang boleh merosak atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, keharmonian, perpaduan, integriti tatasusila, membela kangkan nama baik institusi atau kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai, atau pekerja institusi atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam atau kepada akhlak, kesopanan atau tata tertib yang boleh menggugat dan mencabar kesucian Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara.

3.2.8 Mencuri

Pelajar dilarang mengambil, mengalih dan menyimpan sesuatu benda atau harta yang bukan miliknya tanpa kebenaran di dalam atau luar kampus.

3.2.9 Berniaga/ Bekerja

- (a) Pelajar tidak dibenarkan berniaga termasuk secara dalam talian sepanjang tempoh pengajian di dalam atau luar kampus kecuali dengan kebenaran Pengarah.
- (b) Pelajar tidak dibenarkan membuat pekerjaan tetap atau sambilan sepanjang tempoh pengajian di dalam atau luar kampus kecuali dengan kebenaran Pengarah.

3.2.10 Berjudi

Pelajar dilarang terlibat dalam apa-apa bentuk perjudian di dalam atau di luar kampus.

3.2.11 Gangguan Seksual

Pelajar tidak boleh membuat gangguan seksual terhadap orang lain; iaitu:

- (a) membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual atau

meminta layanan seksual daripada orang lain; atau

- (b) melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual berhubung dengan orang lain, dalam keadaan yang, setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut; atau
- (c) menghantar gambar atau video mengandungi unsur lucah melalui sebarang aplikasi kepada orang lain; atau
- (d) membuat sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini atau, dan penyataan secara lisan, bukan lisan, dan atau bertulis, visual, psikologi atau fizikal; dan
- (e) mempunyai niat atau perlakuan untuk mengganggu dan menceroboh hak privasi orang lain.

3.2.12 Menganjur Perhimpunan

Pelajar dilarang menganjur, menyertai, atau terlibat dalam apa-apa bentuk perhimpunan/ perarakan secara fizikal atau maya di dalam atau di luar kampus kecuali dengan kebenaran Pengarah.

3.2.13 Pemboikotan Aktiviti

Pelajar dilarang menganjur, menyertai, menghasut atau terlibat dalam apa-apa **pemboikotan** aktiviti rasmi IPG.

3.2.14 Penyataan Awam

- (a) Pelajar dilarang membuat apa-apa pernyataan/ ulasan awam kepada mana-mana pihak dengan apa-apa juga cara tanpa kebenaran Pengarah; dan
- (b) Pelajar dilarang memberi maklumat atau kenyataan secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara berkaitan dengan IPG, kakitangan atau pelajar kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran Pengarah.

3.2.15 Senjata

Pelajar dilarang menyimpan, memiliki, membawa dan menggunakan sebarang bentuk senjata di dalam atau di luar kampus.

3.2.16 Ingkar Perintah

Pelajar tidak boleh mengingkari atau melanggar mana-mana pelaksanaan MK/ RMK arahan atau perintah Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa.

3.2.17 Menghalang Pelaksanaan Tugas

Pelajar tidak boleh menghalang, merintang, mengganggu atau menahan seseorang pegawai, kakitangan, pekerja atau wakil IPG daripada menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawab rasminya.

3.2.18 Berhutang/ Memberi Hutang/ Membuat Pinjaman

Pelajar dilarang berhutang, memberi hutang atau membuat pinjaman.

3.2.19 Kebersihan Dalam Kampus

Pelajar tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menjaskan kebersihan dan kekemasan kawasan kampus.

3.2.20 Urus Niaga Tidak Sah

Pelajar dilarang terlibat dalam urus niaga yang tidak sah seperti penggubahan wang haram, pertukaran wang asing atas talian (*foreign exchange*), jual beli saham dan lain-lain yang seumpamanya.

3.2.21 Pemalsuan Maklumat, Tanda Tangan Dan Dokumen

Pelajar tidak boleh memalsukan atau meminda bagi maksud menipu, apa-apa juga dokumen dan surat-surat rasmi atau mengemukakan dokumen palsu atau memberikan maklumat palsu bagi tujuan menipu atau meniru atau memalsu tanda tangan pihak lain.

3.2.22 Ahli Persatuan/ Pertubuhan

(a) Menjadi Ahli Pertubuhan Berdaftar

- i. Pelajar suatu IPG boleh menjadi ahli mana-mana pertubuhan, badan, kumpulan orang dan mana-mana parti politik, sebagaimana dalam subseksyen
- ii. Pelajar tidak dibenarkan membuat, menggunakan, menunjukkan, mempunyai panji, pelekat sebagaimana dalam Jadual Kedua Bahagian Kedua, Kaedah 11 Akta 174 pindaan Jun 2019.

(b) Menjadi Ahli Pertubuhan Tidak Berdaftar

Pelajar tidak boleh menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

PERKARA 4: PENAMPILAN DIRI

- 4.1 Pelajar perlu menunjukkan personaliti, sahsiah dan penampilan diri yang baik dan menghayati budaya IPG yang sesuai dengan profesion keguruan.
- 4.2 Pelajar perlu mematuhi Pekeliling Kementerian Pendidikan Bil. KP.9567/Jld.2/(11) bertarikh 20 September 1985 (Peraturan Pakaian Guru Pelatih Maktab-Maktab Perguruan Malaysia) dan pekeliling pakaian penjawat awam yang sedang berkuat kuasa.

4.3 Pakaian

4.3.1 Pakaian semasa menghadiri kuliah:

- (a) Pelajar Lelaki
- i. hendaklah memakai baju kemeja berlengan panjang, bertali leher, berseluas panjang (*slack*) dengan bertali pinggang dan berkasut kulit warna gelap serta berstoking. Baju hendaklah dimasukkan ke dalam seluar. Lengan baju hendaklah dibutangkan dan tidak dilipat ke atas; dan
 - ii. dilarang memakai pakaian berfesyen yang mencolok mata dan tidak bersesuaian dengan profesion keguruan.
- (b) Pelajar Perempuan
- i. memakai jenis pakaian yang tidak mendedahkan mana-mana bahagian anggota dari paras bawah leher hingga ke paras bawah lutut, berkain dalam, berkasut tutup dan bertumit;
 - ii. yang beragama Islam diwajibkan memakai pakaian yang menutup aurat dan bercirikan wanita muslimah;
 - iii. dilarang memakai pakaian berfesyen yang menjolok mata dan tidak bersesuaian dengan profesion keguruan;
 - iv. tidak dibenarkan memakai jubah; dan
 - v. dilarang memakai penutup muka (*niqab*)/ purdah.

4.3.2 Pakaian Semasa Menghadiri Aktiviti Kokurikulum

(a) Kokurikulum Unit Beruniform

Pelajar dikehendaki memakai pakaian seragam atau kemeja-T dan seluar yang ditetapkan.

(b) Kokurikulum Kelab dan Persatuan

Pelajar dikehendaki memakai pakaian yang telah ditetapkan oleh pihak IPG bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan.

(c) Kokurikulum Sukan dan Permainan

i. Pelajar dikehendaki memakai pakaian yang telah ditetapkan oleh pihak IPG bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan; dan

ii. Pelajar perempuan khususnya dikehendaki memakai *track bottom* dan kemeja-T berlengan panjang dan bertudung bagi pelajar muslim.

4.3.3 Pelajar hendaklah berpakaian rasmi sebagaimana semasa menghadiri kuliah atau pakaian yang ditentukan untuk sesuatu majlis yang dihadiri/ lawatan yang diikuti;

4.3.4 Pakaian khas seperti batik atau blazer boleh dipakai pada hari tertentu yang ditetapkan oleh IPG;

4.3.5 Pelajar lelaki Islam digalakkan memakai Baju Melayu lengkap bersongkok (hitam tanpa lilitan) dan bersamping;

4.3.6 Pelajar dikehendaki memakai pakaian lengkap unit beruniform masing-masing pada hari yang ditentukan oleh IPG;

4.3.7 Pelajar dikehendaki memakai pakaian sukan yang bersesuaian semasa melakukan aktiviti sukan/ pendidikan jasmani;

4.3.8 Pelajar dikehendaki berpakaian kemas semasa beruruskan di premis IPG; dan

4.3.9 Pakaian tidak rasmi pelajar semasa berada di dalam dan di luar kampus hendaklah kemas dan tidak menjolok mata.

4.3.10 Pelajar dilarang memamer, menunjuk, menggunakan lambang, gambar, tulisan yang boleh menimbulkan, sensitiviti agama dan kaum semasa berada di luar waktu rasmi.

4.3.11 Sebarang pengecualian dan pelepasan terhadap peraturan pakaian ini adalah tertakluk kepada surat-surat pekeliling Kementerian Pendidikan/ IPG mengenainya dari semasa ke semasa.

4.4 Potongan Rambut, Misai, Janggut Dan Jambang

- 4.4.1 Potongan rambut pelajar perlu kemas dan sesuai dengan profesion keguruan;
- 4.4.2 Rambut hendaklah disikat rapi;
- 4.4.3 Pelajar dilarang mewarnakan rambut atau berfesyen yang tidak bersesuaian dengan profesion keguruan;
- 4.4.4 Pelajar lelaki dilarang berambut panjang
 - (a) melepas kolar baju;
 - (b) menutup garisan tengah dahi; dan
 - (c) menutup kedua-dua telinga atau sebahagian daripadanya.
- 4.4.5 Pelajar dilarang membotakkan kepala kecuali dengan kebenaran Pengarah;
- 4.4.6 Pelajar yang bermisai, berjanggut dan berjambang hendaklah sentiasa diurus dengan kemas dan rapi;
- 4.4.7 Pelajar yang beragama Sikh dibenarkan memakai turban; dan
- 4.4.8 Pelajar perempuan yang berambut panjang dikehendaki mengikat atau menguruskannya supaya kelihatan kemas.

4.5 Kuku

Pelajar dilarang menyimpan kuku panjang, mewarna atau menghiasinya dengan apa-apajua cara.

PERKARA 5: KAD MATRIK PELAJAR DAN TANDA NAMA

- 5.1 Pelajar dikehendaki pada setiap masa membawa dan mempamerkan kad matrik semasa berada di dalam kampus atau menghadiri aktiviti rasmi di luar kampus.
- 5.2 Pelajar dikehendaki pada setiap masa memakai tanda nama yang ditetapkan oleh pihak IPG semasa menghadiri kuliah dan majlis rasmi di dalam atau di luar.
- 5.3 Pelajar dikehendaki mempamer dan memakai kad matrik serta tanda nama semasa menghadiri aktiviti kokurikulum kecuali semasa di padang atau di gelanggang permainan atau aktiviti air.

PERKARA 6: PENCERAMAH LUAR

- 6.1 Pelajar yang bercadang mengundang penceramah luar untuk memberi ceramah/ syarahan di IPG hendaklah mengikut peraturan seperti yang berikut:
 - 6.1.1 Penceramah yang diundang hendaklah terdiri daripada kakitangan awam/ swasta atau individu yang bertauliah/ diiktiraf oleh kerajaan dan perlu mendapat kebenaran Pengarah;
 - 6.1.2 Tajuk dan isi ceramah/ syarahan hendaklah:
 - (a) perkara-perkara yang bersesuaian dengan tujuan dan objektif kurikulum serta kokurikulum;
 - (b) tidak bercanggah dengan undang-undang negara dan peraturan IPG; dan
 - (c) tidak menyentuh isu-isu sensitif sesuatu pihak, kaum, budaya dan agama.
 - 6.1.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah tidak lewat dari tempoh satu bulan sebelum tarikh ceramah/ syarahan diadakan;
 - 6.1.4 Jika program melibatkan penceramah dari luar negara, permohonan kelulusan kebenaran daripada IPGM hendaklah dibuat tidak lewat dari tempoh tiga bulan sebelum tarikh ceramah/ syarahan diadakan;
 - 6.1.5 Bahan-bahan ceramah/ syarahan yang hendak diedarkan kepada pelajar perlu diluluskan terlebih dahulu oleh Pengarah; dan
 - 6.1.6 Setiap ceramah/ syarahan hendaklah didokumentasikan bagi tujuan rujukan dan rekod.

PERKARA 7: MENYERTAI AKTIVITI ANJURAN AGENSI LUAR

Pelajar dibenarkan menyertai aktiviti anjuran agensi luar setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah/ Rektor.

PERKARA 8: PENGANJURAN AKTIVITI OLEH PELAJAR

- 8.1 Pelajar boleh mengadakan atau menganjurkan apa-apa aktiviti dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 8.2 Aktiviti yang dianjurkan mestilah mematuhi garis panduan/ prosedur IPGM dan Kementerian Pendidikan (KPM) yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

- 8.3 Semua jenis aktiviti yang dikelolakan oleh pelajar pada waktu malam mesti ditamatkan tidak melebihi pukul 11.00 malam. Aktiviti yang melewati masa tersebut perlu mendapat kebenaran khas daripada Pengarah.

PERKARA 9: PENGGUNAAN MEDIA CETAK DAN MEDIA DIGITAL

- 9.1 Pelajar dilarang menyedia/ menulis/ mencetak/ merakam/ menyimpan/ memuat naik/ mengedarkan/ membahagi/ mendengar/ menonton/ menayang dan memperdengarkan sebarang bahan media (cetak/ digital) termasuk bahan-bahan lain yang:
- 9.1.1 bersifat jelek, kurang sopan, berunsur lucah, hasutan dan fitnah yang boleh mencemarkan nama baik individu/ organisasi/ institusi pendidikan dan negara; dan
 - 9.1.2 menyalahi arahan Pengarah, peraturan atau undang-undang Malaysia yang masih berkuat kuasa.
- 9.2 Pelajar yang hendak memuat naik, mengedarkan/ menyebarkan, mempamerkan, mempertontonkan atau pun memperdengarkan apa-apa bahan penerbitan (cetak/ digital) perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 9.3 Pelajar dilarang melakukan jenayah siber terdiri daripada unsur penipuan, kerosakan atau pengubahsuaian program atau data komputer, pencurian maklumat, penggodaman dan lain-lain.
- 9.4 Pelajar tidak boleh menggunakan kepala surat rasmi IPGK/ IPGM bagi sebarang tujuan surat-menyurat.
- 9.5 Pelajar yang hendak menggunakan nama dan logo IPGK/ IPG/ IPGM/ KPM dalam media (cetak/ digital) perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.

PERKARA 10: LAWATAN

- 10.1 Lawatan pelajar sama ada di dalam negara atau ke luar negara (urusian rasmi atau tidak rasmi):
- 10.1.1 (a) lawatan secara persendirian: hendaklah memohon kebenaran secara bertulis melalui JHEP untuk mendapat kelulusan Pengarah satu (1) bulan sebelum tarikh lawatan.
 - (b) lawatan secara berkumpulan: hendaklah memohon kebenaran secara bertulis melalui Pengarah untuk mendapat kelulusan Rektor tiga (3) bulan sebelum tarikh lawatan.
- 10.1.2 Lawatan yang dijalankan hendaklah **tidak mengganggu sebarang interaksi akademik, amalan profesional, tutorial, kokurikulum dan**

aktiviti rasmi IPG.

- 10.1.3 Pelajar wajib mendapatkan perlindungan insuran sepanjang berada di luar negara;
- 10.1.4 Pelajar tidak dibenarkan menandatangani sebarang bentuk perjanjian atau Nota Persetujuan yang melibatkan institusi dan negara.
- 10.1.5 Sebarang risiko yang dialami semasa lawatan tidak rasmi adalah atas tanggungjawab pelajar sendiri.
- 10.1.6 Pelajar hendaklah sentiasa menjaga nama baik negara Malaysia sepanjang berada di luar negara.

PERKARA 11: BERKAHWIN SEMASA PENGAJIAN

- 11.1 Pelajar tidak dibenarkan berkahwin dalam tempoh pengajian kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 11.2 Permohonan berkahwin hendaklah dikemukakan kepada Pengarah tiga (3) bulan sebelum tarikh perkahwinan.
- 11.3 Semua urusan perkahwinan perlu mematuhi undang-undang perkahwinan yang diguna pakai di Malaysia.

PERKARA 12: MENGANDUNG DALAM TEMPOH PENGAJIAN

- 12.1 Pelajar yang mengandung dalam tempoh pengajian perlu melaporkan kepada JHEP dengan serta merta.
- 12.2 Pelajar yang disahkan mengandung perlu menangguhkan pengajian serta merta dan tempoh penangguhan tidak melebihi satu (1) tahun pengajian.
- 12.3 Pelajar yang mengandung tanpa ikatan perkahwinan yang sah akan dikenakan tindakan di bawah Akta 174 [Jadual II Tatatertib Am kaedah 3 (a) dan (b)] yang sedang berkuat kuasa.

**PERKARA 13: KEHADIRAN KULIAH, TUTORIAL, KOKURIKULUM,
AMALAN PROFESIONAL DAN AKTIVITI RASMI IPG**

- 13.1 Pelajar diwajibkan hadir 100% ke kuliah, tutorial, amali, kokurikulum, amalan profesional (pengalaman berdasarkan sekolah/ praktikum/ internship) dan aktiviti rasmi IPG termasuk yang tidak melibatkan RMK dan MK.
- 13.2 Pelajar wajib menepati masa ketika menghadiri kuliah, tutorial, amali, kokurikulum, amalan profesional dan aktiviti rasmi IPG.

- 13.3 Pelajar yang hadir lewat melebihi 15 minit daripada bermulanya sesuatu kuliah, tutorial, amali, kokurikulum, amalan profesional dan aktiviti rasmi IPG tanpa alasan yang munasabah akan dikira tidak hadir dalam jam berkenaan.
- 13.4 Pelajar yang tidak hadir kerana sakit hendaklah mengemukakan Sijil Cuti Sakit daripada hospital/ klinik kerajaan/ swasta atau mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah. (rujuk Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil/ Diploma/ Ijazah).
- 13.5 Sijil Cuti Sakit yang asal hendaklah diserahkan kepada JHEP dan salinan perlu dikemukakan kepada Ketua Kuliah/ Mentor/ Pensyarah kursus yang terlibat/ Guru Besar (bagi yang terlibat dalam Amalan Profesional).
- 13.6 Pelajar yang disahkan sakit berpanjangan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar dan tidak dapat melaksanakan aktiviti kuliah, tutorial, amali, kokurikulum, amalan profesional serta aktiviti rasmi IPG perlu memohon penangguhan pengajian.
- 13.7 Ketidakhadiran pelajar tanpa sebab diklasifikasikan sebagai ponteng dan akan diambil tindakan tata tertib.

PERKARA 14: KEBENARAN MENINGGALKAN KULIAH, TUTORIAL, AMALI, KOKURIKULUM DAN AKTIVITI RASMI IPG

- 14.1 Pelajar diberi kebenaran meninggalkan kuliah, tutorial, amali, kokurikulum dan aktiviti rasmi IPG sekiranya mendapat arahan rasmi atau kebenaran secara bertulis daripada Pengarah.
- 14.2 Pelajar boleh dipertimbangkan untuk diberikan kebenaran meninggalkan kuliah, tutorial, amali, kokurikulum dan aktiviti rasmi IPG atas sebab-sebab yang berikut:
 - 14.2.1 menduduki peperiksaan awam yang dibenarkan;
 - 14.2.2 diarahkan oleh pihak mahkamah untuk menghadiri perbicaraan;
 - 14.2.3 menziarahi keluarga terdekat yang sakit tenat/ meninggal dunia (salinan sijil kematian/ permit pengebumian perlu disertakan);
 - 14.2.4 wabak penyakit, bencana alam atau kebakaran;
 - 14.2.5 aktiviti rasmi yang diarahkan oleh IPG/ IPGM/ KPM; dan
 - 14.2.6 sebab-sebab lain dengan kebenaran khas Pengarah.

PERKARA 15: PENANGGUHAN PROGRAM PENGAJIAN

- 15.1 Pelajar dibenarkan menangguh pengajian **sekali sahaja** sepanjang tempoh pengajian.

- 15.2 Tempoh maksimum penangguhan adalah satu tahun pengajian.
- 15.3 Pelajar boleh memohon penangguhan pengajian atas sebab-sebab berikut:
 - 15.3.1 kesihatan: akibat kemalangan atau penyakit yang berpanjangan oleh pihak pengamal perubatan berdaftar;
 - 15.3.2 mengandung: disahkan mengandung oleh pihak pengamal perubatan berdaftar hospital/ klinik kerajaan atau swasta (tangguh serta merta);
 - 15.3.3 kes keselamatan: kes yang boleh menyebabkan terganggu pengajian dan keselamatan pelajar.

PERKARA 16: PEPERIKSAAN

Pelajar adalah tertakluk kepada Buku Panduan Pentaksiran IPG dan Buku Panduan dan Syarat Penganugerahan Sijil/ Diploma/ Ijazah yang sedang berkuat kuasa.

PERKARA 17: PENGGUNAAN PUSAT SUMBER

Pelajar adalah tertakluk kepada peraturan penggunaan pusat sumber yang sedang berkuat kuasa.

BAHAGIAN C

KEBAJIKAN DAN KESELAMATAN



PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

BAHAGIAN C: KEBAJIKAN DAN KESELAMATAN

PERKARA 18: PERATURAN KELUAR MASUK KAMPUS IPG

- 18.1 Pelajar mesti mematuhi peraturan keluar masuk kampus IPG.
- 18.2 Pelajar dikehendaki menggunakan pintu pagar keluar masuk yang ditentukan oleh pihak IPG. Pintu pagar ditutup pada pukul 11.00 malam.
- 18.3 Pelajar tidak dibenarkan keluar masuk atau meninggalkan kawasan kampus IPG sepanjang waktu interaksi kuliah, tutorial, amali, kokurikulum dan aktiviti rasmi IPG kecuali dengan kebenaran Pengarah.
- 18.4 Pakaian pelajar mestilah mencerminkan profesion keguruan.

PERKARA 19: KAWALAN KESELAMATAN

- 19.1 Pelajar mesti mematuhi arahan mana-mana kakitangan atau pihak yang menguatkusakan peraturan keselamatan IPG.
- 19.2 Pelajar atau pelawat dikehendaki menunjukkan dokumen pengenalan diri seperti kad pengenalan, kad matrik, kad kebenaran atau pun lesen memandu apabila diminta oleh mana-mana kakitangan yang diberikan kuasa oleh Pengarah.

PERKARA 20: RAWATAN PERUBATAN

- 20.1 Pelajar yang memerlukan rawatan perubatan hendaklah ke hospital/ klinik kerajaan/ swasta.
- 20.2 Pelajar yang memerlukan rawatan semasa waktu pejabat hendaklah melaporkan diri di Jabatan Hal Ehwal Pelajar.
- 20.3 Pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman yang memerlukan rawatan selepas waktu pejabat hendaklah melaporkan kepada warden.
- 20.4 Pelajar perlu mengisi borang rawatan dan menyerahkan Surat Akuan Rawatan/ Sijil Cuti Sakit asal kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar selepas menerima rawatan.
- 20.5 Pelajar boleh mendapatkan rawatan di hospital/ klinik swasta atas perbelanjaan sendiri.
- 20.6 Pelajar sakit tetapi tidak memerlukan rawatan perubatan hospital, boleh memohon kebenaran menggunakan kemudahan bilik sakit daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

PERKARA 21: PENGGUNAAN BANGUNAN, KAWASAN DAN PERALATAN

- 21.1 Pelajar adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa ketika menggunakan kemudahan dan peralatan bilik kuliah, pusat sumber, makmal, bengkel, gimnasium dan bilik-bilik khas yang lain.
- 21.2 Pelajar yang hendak menggunakan kemudahan bilik kuliah, pusat sumber, makmal, bengkel, gimnasium dan bilik-bilik khas yang lain, kawasan peralatan pada masa selepas atau waktu pejabat, cuti hujung minggu, cuti semester dan cuti am hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 21.3 Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan dengan mengisi borang khas di pejabat pentadbiran. Permohonan hendaklah diserahkan kepada pegawai berkenaan **lima (5) hari bekerja** sebelum tempoh penggunaan kemudahan.
- 21.4 Pelajar dilarang membawa atau membenarkan orang luar menggunakan bangunan, kawasan dan peralatan di IPG kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 21.5 Pelajar dilarang untuk memindah, mengubah suai, mengalih sebarang bahan, peralatan atau sebagainya dari mana-mana bilik atau kawasan yang digunakan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.
- 21.6 Pelajar bertanggungjawab menjaga keselamatan, kebersihan dan kekemasan bangunan, kemudahan kawasan dan peralatan yang digunakan.
- 21.7 Pelajar dilarang menyalahgunakan apa jua kemudahan, peralatan, bangunan, bilik kuliah, pusat sumber, makmal, bengkel, gimnasium dan bilik-bilik khas yang lain.

PERKARA 22: LAWATAN PIHAK LUAR

Pelajar yang mengurus atau menerima lawatan daripada pihak luar mesti merujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan memohon kebenaran bertulis daripada Pengarah.

PERKARA 23: LAWATAN TETAMU

- 23.1 Pelajar hendaklah menerima dan melayan tetamu di tempat yang ditetapkan sahaja. Tetamu tidak dibenarkan memasuki mana-mana kawasan kampus IPG atau Kolej Kediaman kecuali dengan kebenaran Pengarah.
- 23.2 Pelajar bertanggungjawab memaklumkan kepada tetamu supaya meletakkan kenderaan di lot parkir yang disediakan.
- 23.3 Pelajar bertanggungjawab terhadap perlakuan dan adab sopan tetamu mereka serta segala peraturan IPG dipatuhi sepenuhnya.

BAHAGIAN D

LALU LINTAS



PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

BAHAGIAN D: LALU LINTAS

PERKARA 24: PENGGUNAAN KENDERAAN IPG

- 24.1 Pelajar yang hendak menggunakan perkhidmatan kenderaan IPG hendaklah memohon kebenaran bertulis daripada Pengarah melalui pensyarah penasihat **sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja** sebelum program dilaksanakan.
- 24.2 Pengarah berhak membatalkan penggunaan perkhidmatan kenderaan yang telah diluluskan mengikut keperluan.

PERKARA 25: TATATERTIB LALU LINTAS JALAN

- 25.1 Semasa di kampus, pelajar tertakluk kepada peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] yang sedang berkuat kuasa dan semua perundangan kecil yang dibuat di bawahnya serta peraturan yang terdapat dalam Jadual Kedua, Bahagian IV, Kaedah 35-47, Akta 174 Tatatertib Lalu Lintas Jalan.
- 25.2 Pelajar yang hendak membawa, mengguna atau menyimpan apa-apa kenderaan **bermotor persendirian** di kampus hendaklah:
 - 25.2.1 memiliki lesen memandu, kad pendaftaran dan polisi insuran kenderaan yang sah;
 - 25.2.2 mengemukakan surat kebenaran menggunakan kenderaan daripada pemilik sah jika kenderaan bukan milik sendiri;
 - 25.2.3 memohon dan mendapatkan kebenaran bertulis daripada Pengarah;
 - 25.2.4 mempamerkan pelekat rasmi IPG yang sah untuk tahun berkenaan; dan
 - 25.2.5 pelajar PISMP (persediaan) tidak dibenarkan membawa kenderaan kecuali dengan kebenaran Pengarah.
- 25.3 Pelajar hendaklah mematuhi peraturan had laju kenderaan bermotor yang ditetapkan di dalam kampus.
- 25.4 Pelajar mesti memandu kenderaan bermotor di atas laluan/ jalan kenderaan bermotor sahaja.
- 25.5 Pelajar dilarang melakukan sebarang pengubahsuaian pada kenderaan mereka yang boleh menghasilkan bunyi atau sebagainya yang mengganggu ketenteraman di dalam kampus.
- 25.6 Pelajar tidak boleh meletakkan sebarang kenderaan bermotor di mana-mana tempat atau apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau

kesusahan kepada laluan pihak lain.

- 25.7 Pelajar hanya dibenarkan memarkir kenderaan di tempat yang telah ditetapkan. Kenderaan hendaklah disusun secara teratur.
- 25.8 Pelajar yang menunggang sesebuah motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang pembonceng.
- 25.9 Pelajar tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa juga cara atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menghalang atau mengganggu kelancaran lalu lintas atau boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain di dalam kampus.
- 25.10 Pelajar yang menggunakan basikal (bermotor dan tidak bermotor) adalah tertakluk pada peraturan perkara 25.4, 25.6, 25.7, 25.9, 25.10 dan 25.12.
- 25.11 Pengarah berhak membatalkan kelulusan kebenaran membawa kenderaan di dalam kampus.

BAHAGIAN E

PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN



PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

BAHAGIAN E: PERATURAN KOLEJ KEDIAMAN

PERKARA 26: PERATURAN AM KOLEJ KEDIAMAN

- 26.1 Pelajar yang diarahkan menginap di Kolej Kediaman wajib mematuhi arahan yang dikeluarkan dan peraturan dalam Buku Panduan Pengurusan Kolej Kediaman.
- 26.2 Semua pelajar yang mendaftar di IPG dibenarkan tinggal menetap di Kolej Kediaman sekiranya terdapat kekosongan.
- 26.3 Tiada sesiapa pun boleh memasuki atau berada di dalam bilik yang diduduki oleh pelajar menetap kecuali:
 - 26.3.1 pelajar menetap itu sendiri;
 - 26.3.2 kakitangan atau mana-mana pihak yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas; dan
 - 26.3.3 pelajar menetap lain daripada jantina yang sama untuk tujuan sosial yang biasa.
- 26.4 Pelajar menetap tidak boleh melakukan sesuatu untuk menghalang, atau menahan seseorang pegawai, kakitangan, pekerja atau wakil IPG memasuki bilik pelajar menetap untuk menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di bilik itu.
- 26.5 Pelajar menetap tidak boleh berada di luar blok kediaman selepas pukul 11.00 malam kecuali dengan kebenaran Ketua Warden.
- 26.6 Pelajar bukan menetap tidak boleh berada di Kolej Kediaman.
- 26.7 Pelajar menetap hendaklah menggunakan premis kediaman dengan cermat dan tidak boleh melakukan sesuatu yang mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-mana bahagian taman, landskap, bangunan atau kelengkapan di dalamnya.
- 26.8 Pelajar menetap hendaklah menggunakan premis kediaman dan kemudahan lain dengan berhemah agar tidak membawa apa-apa kesusahan, kegusaran, halangan atau gangguan kepada orang lain.
- 26.9 Pelajar menetap dibenarkan tinggal di sesuatu kediaman mengikut budi bicara dan kuasa mutlak pihak IPG. Pihak IPG boleh mengarahkan pelajar menetap mengosongkan tempat tinggalnya atau berpindah ke tempat lain pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab.
- 26.10 Pelajar menetap yang dikehendaki mengosongkan atau berpindah dari tempat tinggalnya, hendaklah berbuat demikian dan dalam tempoh itu mengeluarkan semua barang kepunyaannya serta membersihkan bilik dengan memastikan kemudahan asas dalam keadaan baik.

- 26.11 Pelajar menetap mestilah bertanggungjawab menjaga keselamatan diri dan barang kepunyaannya sepanjang masa di Kolej Kediaman.
- 26.12 Pengarah atau Ketua Warden atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh dari semasa ke semasa memberi secara lisan atau secara bertulis apa-apa perintah atau arahan yang difikirkan perlu untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib di Kolej Kediaman.
- 26.13 Penolong Pengurus Asrama atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh dari semasa ke semasa mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelajar yang merosakkan dan menyalahgunakan kemudahan atau peralatan premis kediaman.
- 26.14 Pengawal keselamatan yang menjalankan tugas di IPG bertanggungjawab membantu menguatkuasakan hal-hal keselamatan dan peraturan Kolej Kediaman.

PERKARA 27: PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN

- 27.1 Pelajar bukan menetap yang ingin tinggal di Kolej Kediaman hendaklah membuat permohonan dan mendapatkan kelulusan Pengarah secara bertulis.
- 27.2 Pelajar mesti mendaftarkan diri sebagai pelajar menetap di Kolej Kediaman.
- 27.3 Pihak pengurusan Kolej Kediaman berhak membuat pemilihan dan penempatan pelajar di Kolej Kediaman.
- 27.4 Pelajar menetap yang ingin tinggal di luar Kolej Kediaman hendaklah membuat permohonan dan mendapatkan kelulusan Pengarah secara bertulis.

PERKARA 28: INVENTORI BILIK KEDIAMAN

- 28.1 Pelajar menetap dikehendaki melengkapkan borang pengesahan inventori bilik kediaman dan menyerahkan kepada pihak pengurusan Kolej Kediaman pada hari pendaftaran.
- 28.2 Pelajar menetap dikehendaki memastikan dan mengesahkan bilangan semua alatan sama seperti yang tercatat dalam borang inventori bilik. Jika terdapat kerosakan atau kekurangan atau ketidaaan alat hendaklah dilaporkan segera kepada pihak pengurusan Kolej Kediaman.
- 28.3 Pelajar menetap yang akan mengosongkan bilik kediaman bertanggungjawab memastikan inventori yang disediakan dalam keadaan bersih dan sempurna sebelum menyerahkan kunci bilik kepada pihak pengurusan Kolej Kediaman.

- 28.4 Pelajar menetap dikehendaki memberi kerjasama terhadap pemeriksaan inventori yang diadakan dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan Kolej Kediaman.
- 28.5 Pelajar menetap dilarang mengubah atau mengalih perabot dan peralatan kediaman dari satu tempat ke satu tempat yang lain kecuali diarahkan berbuat demikian oleh pihak pengurusan Kolej Kediaman.

PERKARA 29: TINGKAH LAKU PELAJAR MENETAP

- 29.1 Pelajar menetap perlu menjalin hubungan baik, bekerjasama, hormat-menghormati dan bertimbang rasa terhadap seluruh warga Kolej Kediaman.
- 29.2 Pelajar menetap perlu menjaga kebersihan, kesihatan dan keselamatan di Kolej Kediaman.
- 29.3 Pelajar menetap dilarang membuat bising dan perkara-perkara yang boleh mengganggu ketenteraman warga Kolej Kediaman.
- 29.4 Pelajar menetap perlu mengamalkan tingkah laku dan menghayati Budaya IPG bersesuaian dengan profesiion keguruan.

PERKARA 30: KAWASAN LARANGAN

- 30.1 Pelajar lelaki dilarang memasuki mana-mana kawasan kediaman pelajar perempuan dan pelajar perempuan dilarang memasuki mana-mana kawasan kediaman pelajar lelaki.
- 30.2 Pelajar dilarang memasuki bilik atau kawasan larangan yang diwartakan oleh pihak IPG.

PERKARA 31: PAKAIAN

Pelajar menetap hendaklah memakai pakaian yang kemas dan sopan sama ada di dalam atau di luar Kolej Kediaman selaras dengan etika pakaian pelajar IPG.

PERKARA 32: KEMUDAHAN KOLEJ KEDIAMAN

- 32.1 Elektrik dan Air
 - 32.1.1 Pelajar menetap hendaklah memadamkan lampu bilik selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah malam kecuali mendapat kebenaran Ketua Warden/ warden.
 - 32.1.2 Pelajar menetap hendaklah mematikan suis lampu, suis kipas dan suis-suis lain setiap kali meninggalkan bilik kediaman dan mana-mana bilik kemudahan di Kolej Kediaman.

- 32.1.3 Pelajar menetap hanya boleh menggunakan peralatan elektrik dalam bilik kediaman seperti yang berikut:
- (a) komputer dan aksesori asas;
 - (b) pengecas bateri telefon dan kamera;
 - (c) radio berkuasa rendah (di bawah 100 W); dan
 - (d) alat penghalau nyamuk dan serangga elektrik.
- 32.1.4 Pelajar menetap hanya dibenarkan menggunakan cerek dan seterika elektrik yang disediakan di tempat khas Kolej Kediaman.
- 32.1.5 Pelajar menetap hanya dibenarkan menonton televisyen yang disediakan di bilik rehat Kolej Kediaman.
- 32.1.6 Pelajar menetap dilarang membuat sambungan elektrik di dalam bilik kediaman masing-masing dan di mana-mana bahagian Kolej Kediaman.
- 32.1.7 Pelajar menetap perlu mengamalkan budaya jimat cermat semasa menggunakan air dan elektrik.

PERKARA 33: BARANG-BARANG MILIK PERSENDIRIAN

- 33.1 Pelajar menetap hendaklah bertanggungjawab atas keselamatan barang-barang persendirian.
- 33.2 Pelajar menetap hendaklah menyidai atau menjemur segala pakaian yang basah di tempat yang ditetapkan.

PERKARA 34: AKTIVITI KOLEJ KEDIAMAN

- 34.1 Pelajar menetap yang menganjurkan atau mengendalikan sebarang aktiviti di Kolej Kediaman termasuk mesyuarat hendaklah mendapat kebenaran daripada warden bertugas.
- 34.2 Pelajar menetap dimestikan mengambil bahagian dalam semua aktiviti Kolej Kediaman yang telah ditetapkan.
- 34.3 Pelajar menetap yang beragama Islam dikehendaki ke masjid atau surau untuk solat berjemaah, program usrah, majlis-majlis ilmu dan majlis-majlis khas keagamaan, manakala pelajar menetap bukan beragama Islam dikehendaki hadir untuk aktiviti moral.

PERKARA 35: URUSAN BILIK KEDIAMAN

- 35.1 Pelajar menetap dikehendaki:
 - 35.1.1 menjaga kebersihan, kekemasan dan keceriaan bilik kediaman serta bilik-bilik kemudahan yang lain;
 - 35.1.2 membuang sampah di tempat khas yang disediakan;
 - 35.1.3 menyusun semua kasut dan selipar di tempat yang disediakan; dan
 - 35.1.4 membawa dan memasang kain cadar serta sarung bantal masing-masing.
- 35.2 Pelajar menetap dikehendaki menggunakan perabot dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan dengan baik dan cermat.
- 35.3 Pelajar menetap tidak dibenarkan menconteng, mengecat, memaku atau menampal kertas atau gambar pada mana-mana bahagian bilik kediaman.
- 35.4 Pelajar menetap hendaklah menginap di bilik yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan Kolej Kediaman. Sebarang pertukaran tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran Ketua Warden/ Penolong Pengurus Asrama.
- 35.5 Pelajar menetap tidak dibenarkan menumpang tidur di bilik kediaman lain atau memberi pelajar lain menumpang tidur di bilik kediamannya.
- 35.6 Pelajar menetap tidak dibenarkan menggunakan lampu minyak, lilin, lingkaran ubat nyamuk, setanggi, kemenyan, colok atau alat/ benda yang boleh menyebabkan kekotoran dan kebakaran. Pelajar hanya boleh menggunakan lampu suluh atau lampu kecemasan sahaja.
- 35.7 Pelajar menetap tidak dibenarkan memasak dengan menggunakan apa-apa jua kaedah di dalam bilik kediaman.

PERKARA 36: MENERIMA TETAMU

- 36.1 Pelajar menetap yang menerima tetamu hendaklah menemui mereka di tempat yang dikhaskan. Tetamu tidak dibenarkan memasuki mana-mana bahagian lain di Kolej Kediaman dan hendaklah meninggalkan kawasan Kolej Kediaman sebelum pukul 6.00 petang.
- 36.2 Pelajar menetap bertanggungjawab memastikan tetamu mereka mematuhi peraturan Kolej Kediaman dan bertatasusila dari segi kelakuan, pakaian dan tutur kata semasa berada di dalam kawasan Kolej Kediaman.

PERKARA 37: URUSAN RAWATAN PELAJAR

- 37.1 Pelajar menetap yang sakit dan memerlukan rawatan pada luar waktu pejabat atau waktu cuti hendaklah melaporkan kepada warden bertugas.
- 37.2 Pelajar menetap perlu membawa Surat Akuan Rawatan dan hendaklah menyerahkan kembali keratan surat yang telah disahkan oleh pegawai perubatan ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

PERKARA 38: LARANGAN-LARANGAN SALAH LAKU

- 38.1 Semua jenis objek penyembahan atau pemujaan sama ada dalam bentuk patung atau gambar dilarang sama sekali diletakkan atau dilekatkan atau digantungkan di dalam atau di luar bilik kediaman bagi apa-apa jua tujuan.
- 38.2 Pelajar menetap dilarang membawa dan memelihara apa-apa jenis haiwan di dalam bilik atau di mana-mana bahagian atau kawasan Kolej Kediaman.
- 38.3 Pelajar menetap yang tidak berpuas hati terhadap penghuni lain, tidak boleh bertindak bersendirian sebaliknya hendaklah melaporkan kepada warden.
- 38.4 Pelajar menetap tidak dibenarkan membuat kunci pendua dan memasang kunci tambahan pada pintu bilik, laci dan almari.
- 38.5 Pelajar menetap dilarang menyimpan, membawa atau memiliki bahan-bahan yang mudah terbakar seperti petrol, bahan kimia, mercun, bunga api, bahan peledak dan bahan-bahan lain di dalam bilik atau di mana-mana bahagian atau kawasan Kolej Kediaman.
- 38.6 Pelajar menetap dilarang memiliki, membawa, menyimpan atau memakan makanan yang mengandungi daging babi dan meminum arak di dalam bilik kediaman atau di mana-mana bahagian atau kawasan institut.
- 38.7 Hanya bahan-bahan makanan yang **halal** di sisi Agama Islam sahaja yang dibenarkan dibawa masuk ke Kolej Kediaman.
- 38.8 Pelajar menetap dilarang membawa atau memakan sebarang jenis buah-buahan yang mengeluarkan getah atau bau yang boleh menjelaskan kebersihan dan mengganggu keselesaan penghuni Kolej Kediaman.
- 38.9 Pelajar menetap dilarang berjudi dengan apa-apa cara sekali pun; meminum minuman yang memabukkan; menyalahguna dadah; memiliki, menyimpan, mengedar minuman yang memabukkan dan dadah; serta menghidu gam dan sebagainya.
- 38.10 Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh:

- 38.10.1 Membuat atau menyebabkan dibuat atau melakukan sesuatu perbuatan untuk membuat atau menyebabkan dibuat; atau
- 38.10.2 Mengibar, mempamer, menunjukkan atau dengan apa-apa cara menggunakan, atau menyebabkan dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dengan apa-apa cara digunakan; atau
- 38.10.3 Mempunyai atau ada dalam milikan, jagaan atau kawalannya, sesuatu bendera, panji, pelekat, poster, lambang atau alat lain yang boleh menggalakkan perbuatan melanggar tatatertib, kekacauan, keingkaran atau pelanggaran terhadap Kaedah-Kaedah ini.

PERKARA 39: KES-KES KESELAMATAN DAN KEROSAKAN

- 39.1 Pelajar menetap hendaklah melaporkan dengan segera sebarang kejadian seperti kecurian, pergaduhan, pencerobohan, aktiviti yang tidak sihat dan lain-lain kepada pihak pengurusan Kolej Kediaman.
- 39.2 Pelajar menetap hendaklah melaporkan dengan segera sebarang kerrosakan kemudahan di Kolej Kediaman kepada pihak pengurusan Kolej Kediaman.

PERKARA 40: KELUAR MASUK HARIAN DAN MENGINAP DI LUAR KOLEJ KEDIAMAN

- 40.1 Pelajar menetap dikehendaki mematuhi peraturan keluar masuk kampus.
- 40.2 Pelajar menetap hendaklah memaklumkan kepada warden dengan segera sekiranya tidak dapat balik ke Kolej Kediaman pada waktu yang ditetapkan.
- 40.3 Pelajar menetap yang hendak bermalam di luar Kolej Kediaman hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Ketua Warden.

BAHAGIAN F

**PERATURAN BAGI
PELAJAR YANG
TINGGAL DI PREMIS
LUAR KOLEJ
KEDIAMAN**



PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

**BAHAGIAN F: PERATURAN BAGI PELAJAR YANG TINGGAL DI PREMIS LUAR
KOLEJ KEDIAMAN**

PERKARA 41: PERATURAN AM

- 41.1 Pelajar bukan menetap dilarang tinggal atau berkongsi satu unit rumah atau bilik dengan pelajar atau individu lain yang berlainan jantina.
- 41.2 Pelajar bukan menetap boleh menggunakan kemudahan-kemudahan di Kolej Kediaman dengan kebenaran Pengarah.
- 41.3 Pelajar bukan menetap dikehendaki memaklumkan secara bertulis kepada pihak IPG alamat tempat tinggal yang lengkap, nama dan nombor telefon pemilik premis.
- 41.4 Pelajar bukan menetap dikehendaki memberitahu maklumat seperti perkara 41.3 kepada pihak IPG secara bertulis setiap kali berpindah premis.

PERKARA 42: TATATERTIB DAN DISIPLIN

- 42.1 Pelajar bukan menetap dikehendaki sentiasa berkelakuan baik untuk menjaga maruah dan nama baik pelajar sendiri serta nama IPG.
- 42.2 Pelajar bukan menetap hendaklah sentiasa mengamalkan sikap bertimbang rasa, bekerjasama, hormat-menghormati dan menjalankan semangat kejiranian.
- 42.3 Pelajar bukan menetap hendaklah memastikan bahagian luar dan dalam premis kediaman sentiasa dalam keadaan bersih serta sempurna pada setiap masa.
- 42.4 Pelajar bukan menetap dilarang berjudi dengan apa-apa cara sekali pun; meminum minuman yang memabukkan; menyalahguna dadah; memiliki, menyimpan, mengedar minuman yang memabukkan dan dadah; serta menghidu gam dan sebagainya.
- 42.5 Pelajar bukan menetap dilarang membawa masuk atau menerima tetamu berlainan jantina ke dalam premis kediaman yang dihuni.
- 42.6 Pelajar bukan menetap mesti menjelaskan bayaran sewa rumah/ bilik kediaman dan bil-bil lain yang berkaitan. Pihak IPG tidak akan bertanggungjawab atas keber hutangan pelajar bukan menetap.
- 42.7 Pelajar bukan menetap hendaklah mematuhi arahan Pengarah dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN G

PERATURAN KAFETARIA/ KANTIN



PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

BAHAGIAN G: PERATURAN KAFETARIA/ KANTIN

PERKARA 43: ETIKA DAN PAKAIAN SEMASA DI KAFETARIA/ KANTIN

- 43.1 Pelajar hendaklah berpakaian kemas, bersih, sopan dan menutup aurat di kafetaria/ kantin.
- 43.2 Pelajar perlu mengamalkan perilaku dan adab sopan yang sesuai dengan nilai-nilai budaya IPG.

PERKARA 44: PENGGUNAAN KAFETARIA/ KANTIN UNTUK SESUATU AKTIVITI

- 44.1 Mana-mana persatuan, kelab, kumpulan dan pihak-pihak lain di dalam atau di luar IPG yang hendak menggunakan kafetaria/ kantin sebagai tempat untuk menjalankan sesuatu aktiviti hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada pengusaha kafetaria melalui Pengarah.
- 44.2 Pelajar yang telah menggunakan kafetaria/ kantin hendaklah membersihkan ruang dan menyusun semula semua perabot seperti kedudukan asalnya.

BAHAGIAN H

TINDAKAN TATATERTIB



PERATURAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU

BAHAGIAN H: TINDAKAN TATATERTIB

PERKARA 45: HUKUMAN

45.1 Pelajar yang didapati melanggar Peraturan Pelajar Institut Pendidikan Guru dan peraturan-peraturan lain IPG akan mengambil tindakan berikut:

45.1.1 Kesalahan Am

Hukuman Kompaun Terus mengikut Jadual Kedua Bahagian II, Tatatertib Am Akta 174 Kaedah 26A yang sedang berkuat kuasa. Pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan dalam peraturan ini boleh dikenakan hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib iaitu amaran atau denda tidak melebihi RM50.00 (lima puluh ringgit).

Jenis-jenis kesalahan:

- (a) ingkar arahan pegawai perpustakaan;
- (b) kesalahan mengenai sahsiah pelajar (contoh : pakaian & rambut);
- (c) kesalahan mengenai kebersihan dalam kawasan kampus;
- (d) kesalahan membuat bising yang menggusarkan dan mengganggu;
- (e) kesalahan tinggal atau tidur selain daripada bilik kediaman yang diperuntukkan;
- (f) kesalahan tidak membawa dan mempamerkan kad matrik pelajar.

45.1.2 Kesalahan Lalu Lintas

Hukuman mengikut Jadual Kedua Bahagian IV, Tatatertib Lalu Lintas Akta 174 Kaedah 47 yang sedang berkuat kuasa:

Pelajar yang melanggar mana-mana peruntukan dalam peraturan ini boleh dikenakan hukuman tatatertib terus oleh pihak berkuasa tatatertib iaitu amaran atau denda tidak melebihi RM100.00 (seratus ringgit).

Jenis-jenis kesalahan:

- (a) Tiada pelekat kenderaan
- (b) Tidak memakai topi keledar

- (c) Kesalahan lot parkir
- (d) Menghalang lalu lintas
- (e) Memandu di kawasan larangan
- (f) Memandu melebihi had laju
- (g) Kesalahan-kesalahan lain

45.1.3 Tindakan Pentadbiran

Hukuman terhadap sabitan kesalahan yang tidak dibicarakan:

- (a) Amaran lisan;
- (b) Amaran bertulis;
- (c) Menghadiri sesi kaunseling; dan/ atau
- (d) Menjalani kerja-kerja sosial.

45.2 Hukuman Tatatertib : Kaedah 48 Jadual Kedua, Akta 174

- 45.2.1 (a) Amaran;
- (b) Denda tidak lebih daripada RM500.00 (Lima Ratus Ringgit);
- (c) Pengantungan daripada mana-mana daripada atau kesemua institusi selama tempoh yang ditentukan;
- (d) Pengantungan daripada mengikuti kursus pengajian di institusi selama tempoh yang ditentukan;
- (e) Penghalangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan di institusi;
- (f) Penyingkiran daripada mana-mana bahagian institusi selama tempoh yang ditentukan; dan/ atau
- (g) Pembuangan daripada institusi oleh pihak berkuasa tatatertib.

45.3 Sabitan Kesalahan Boleh Daftar

- 45.3.1 Pelajar yang dikenakan pertuduhan jenayah boleh digantung pengajian (Akta 174 Bahagian IV: subseksyen 14 (1) yang sedang berkuat kuasa).
- 45.3.2 Pelajar yang disabitkan bersalah oleh mana-mana mahkamah boleh dikenakan tindakan tatatertib (Akta 174 Bahagian IV: subseksyen 14 (2) yang sedang berkuat kuasa).

- 45.3.3 Pelajar yang ditahan atau yang tertakluk kepada apa-apa perintah yang mengenakan sekatan-sekatan atasnya, bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri, pelajar berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib (Akta 174 Bahagian IV: subseksyen 14 (3) dan 14 (4) yang sedang berkuat kuasa.

PERKARA 46: AM


Sebarang pindaan dan tambahan terhadap peraturan ini akan diedarkan dalam bentuk helai-cerai dan hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada peraturan ini.

PERATURAN POTONGAN RAMBUT PELAJAR LELAKI

Rambut disikat rapi dan kemas



Rambut tidak menutupi dahi



Rambut tidak menutup telinga

Rambut tidak melepas anak telinga



Rambut tidak menyentuh kolar baju

KOD ETIKA PAKAIAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU



Pakaian semasa menghadiri kuliah, majlis rasmi
atau lawatan rasmi



Pakaian semasa menghadiri
majlis tak rasmi



Pakaian semasa menghadiri aktiviti
kokurikulum/ sukan/ rekreasi

**PANEL PEMURNI PERATURAN PELAJAR
INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

Penaung

YBrs. DR. MOHD.AZAM BIN AHMAD
Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

Penasihat

YBrs. DR. MOHAMAD ISA BIN AZIS
Timbalan Rektor Pusat Hal Ehwal Pelajar IPGM

Penyelaras

PN. LAILATI BINTI MOHD NOH
Ketua Penolong Pengarah, Pusat Hal Ehwal Pelajar IPGM

DR. EDRIA NITA BINTI MUSTAFFA
Ketua Penolong Pengarah, Pusat Hal Ehwal Pelajar IPGM

Jawatankuasa Panel

PN. NAIMA BINTI ABDUL KADIR Timbalan Pengarah IPGK Keningau	TN. HJ. THADZUL AZALI BIN JUMAAT KJ HEP, IPGK Batu Lintang
DR. ABDUL HAMEED BIN ABDUL MAJID KJ HEP, IPGK Ilmu Khas	TN. HJ. AHMAD TARMIZI BIN SALLEH Timbalan Pengarah IPGK Pendidikan Islam
EN. AHMAD SHUKRI BIN GHAZALI KJ HEP, IPGK Tuanku Bainun	DR. MOHD ZAIRI BIN HUSAIN KJ HEP, IPGK Temenggong Ibrahim
EN. SHAMSUL BAHRI BIN ISMAIL KJ HEP, IPGK Bahasa Melayu	TN. HJ. ANUAR BIN MUHAMAD KU Disiplin, IPGK Bahasa Melayu
TN. HJ. BADURHISHAM BIN MD ZAIN KJ HEP, IPGK Raja Melewar	PN. HJH. FATHAIYAH BINTI ABDULLAH KU Disiplin, IPGK Raja Melewar
DR. MOHD ZUHDI BIN AHMAD KHASASI KU Disiplin, IPGK Pendidikan Islam	PN. HASFAZEHAN BINTI HASSAN Penolong Pengarah, PHEP IPGM
PN. SAFURA BINTI MD. ZIN Penolong Pengarah, PHEP IPGM	EN. SHAHRUL BAHARIN BIN BAHAROM Penolong Pengarah, PHEP IPGM

Editor

PN. SAFURA BINTI MD.ZIN
Penolong Pengarah, Pusat Hal Ehwal Pelajar IPGM

Grafik

EN. MOHD ZAM ZAM BIN HAJI ABDUL RAHMAN
Pegawai Elektronik Makmal, IPGK Raja Melewar

*Sekalung Penghargaan
&
Terima Kasih*

Kepada:

Semua Pengarah, Pengarah dan Staf:

Institut Pendidikan Guru Kampus Yang Terlibat

dan

Pelajar Yang Terlibat

serta

semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung
dalam pemurnian

Peraturan Pelajar Institut Pendidikan Guru
Edisi 2023

PENGAKUAN PELAJAR

Dengan ini saya:

NAMA :

NO KAD PENGENALAN :

IPG KAMPUS :

PROGRAM :

OPSYEN :

AMBILAN :

mengaku bahawa saya telah:

- i. menerima buku Peraturan Pelajar Institut Pendidikan Guru Edisi Tahun 2023;
- ii. membaca dan memahami isi kandungannya; dan
- iii. menyedari implikasinya.

Tandatangan pelajar :

Dihadapan Saksi :

.....

Tandatangan

Nama :

Jawatan:

Tarikh:

** KJ JHEP/ TKJ JHEP/ KU Disiplin JHEP/ Mentor

**INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

ISBN 978-629-7656-22-9



9 786297 656229